

22 APRIL 2003

SARS: UPM diarah tangguh persidangan antarabangsa

Oleh Khairina Yasin

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menangguhkan Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya (MICOLLAC 2003) kali ketiga, yang dijadualkan berlangsung selama tiga hari, mulai esok.

Langkah itu dibuat berikutan arahan Kementerian Kesihatan, sebagai usaha membendung wabak Sindrom Masalah Pernafasan Teruk (SARS), memandangkan persidangan itu turut membabitkan peserta luar negara, termasuk yang mempunyai kes SARS.

Penganjurnya, Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dinasihatkan supaya menangguhkan persida-

ngan itu ke satu tarikh lain yang sesuai, berikutan wabak SARS.

Pegawai Perhubungan Awam UPM, Rusdy Hassan berkata, pihaknya menerima arahan itu melalui surat yang dikeluarkan pejabat Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan, Dr Shafie Ooyub.

"Pihak UPM bersikap positif dalam hal ini, dan menyifatkan tindakan ini sebagai langkah terbaik untuk mencegah penyebaran wabak SARS yang semakin menular di seluruh dunia.

"Justeru, jawatankuasa pengangur tidak mempunyai pilihan dan akur dengan Kementerian Kesihatan demi menjaga keselamatan peserta yang terdiri daripada ahli akademik tempatan dan luar negara," katanya.

Beliau berkata, penangguhan

itu menjadi lebih mendesak kerana ada di kalangan peserta yang datang dari beberapa negara yang disahkan mempunyai kes SARS yang serius seperti Hong Kong, China, Amerika Syarikat dan Thailand.

Mengenai peserta luar negara yang telah berada di Kuala Lumpur untuk menghadiri persidangan itu, katanya, pihak urus setia menasihatkan mereka supaya kembali ke negara masing-masing sehingga keadaan kembali terkawal bagi mengadakan acara itu.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Urus Setia MICALAC 2003, di talian 03-89468680 (Lim Sep Neo) atau 03-89468716 (Lee Geok Imm) atau emel:

sepneo@putra.upm.edu.my atau gilee@fbm.

upm.edu.my.

Persidangan bertemakan 'Beyond Barriers, Fresh Frontiers' itu menjadi forum untuk bertukar pandangan mengenai hubungan antara bahasa, sastera dan budaya kini dan masa depan.

Selain itu, persidangan berkenaan juga antara lain bertujuan membangkitkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan bahasa, sastera dan budaya dalam pelbagai bidang serta latar profesional.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam, Bahagian Protokol, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Saifulizam Abdul Ghani berkata, berkata setakat ini, UKM belum menerima arahan daripada Kementerian Pendidikan.

"Dua seminar anjuran UKM

iaitu Seminar Penggunaan Kanta Sentuh dan Seminar Pengurusan Penyelidikan Universiti Malaysia-Indonesia pada akhir April dan Mei ini, dijangka berlangsung seperti yang dijadualkan," katanya.

Sementara itu, Bilik Gerakan SARS, Kementerian Kesihatan ketika dihubungi berkata, belum ada arahan atau pekeliling rasmi dikeluarkan kepada institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara supaya membatalkan majlis atau persidangan yang dianjurkan oleh IPT, berikutan wabak SARS.

Katanya, hanya majlis tertentu seperti MICOLLAC yang membabitkan peserta luar negara yang mempunyai kes SARS dinasihatkan menangguhkannya ke satu tarikh yang sesuai.